



Faktor Makroekonomi dan Pelepasan Karbon Dioksida: Satu Analisis Korelasi dan Kajian Literatur Sistematis

Yogesswary Segar; Noor Haslina Mohamad Akhir; Nur Azura Sanusi

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu

Abstrak:

Peningkatan pelepasan gas rumah hijau, terutamanya karbon dioksida memberi impak yang ketara kepada kemampuan alam sekitar dan ekonomi di seluruh dunia. Malaysia tidak terkecuali daripada isu ini. Maka, kajian ini memfokuskan kepada interaksi antara faktor makroekonomi iaitu KDNK, pembangunan kewangan, FDI, keterbukaan perdagangan dan jumlah populasi terhadap pelepasan karbon dioksida di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah korelasi Pearson untuk analisis data sekunder dan kriteria PRISMA untuk analisis kajian literatur sistematik. Hasil korelasi Pearson menunjukkan korelasi yang kuat antara pelepasan karbon dioksida dengan faktor makroekonomi. Selanjutnya, berdasarkan kajian literatur yang disemak melalui PRISMA, didapati bahawa KDNK adalah faktor utama yang mendorong peningkatan pelepasan karbon dioksida di Malaysia. Dapatan ini menunjukkan bagi mewujudkan kemampuan ekonomi masa hadapan dan mengurangkan kesan negatif perubahan iklim, pemain industri perlu merangka strategi operasi pasaran yang holistik dari gabungan tenaga kerja, penggunaan sumber dan penghasilan produk yang menyokong pembangunan ekonomi hijau.

Objektif:

Kajian ini memfokuskan kepada mengkaji interaksi antara faktor makroekonomi iaitu KDNK, pembangunan kewangan, FDI, keterbukaan perdagangan dan jumlah populasi dengan pelepasan karbon dioksida di Malaysia.

Sumber semula jadi : membentuk kesejahteraan manusia, alam sekitar dan ekonomi (Merino-Saum et al., 2018).




Pertumbuhan pesat ekonomi Malaysia: pengembangan ekonomi tanpa sempadan , peningkatan aktiviti perindustrian , pembakaran bahan api fosil.

Pelepasan gas karbon dioksida (CO2) :

122.9 juta tan pada 1999 kepada 257.8 juta tan pada 2018 (Aslam et al., 2021) - gas penangkap haba - perubahan iklim termasuk banjir, hujan lebat dan gelombang haba

Pengenalan

Dapatan PRISMA



Agenda kritikal di seluruh dunia - memerangi perubahan iklim - mengurangkan pelepasan karbon dioksida - World Bank, pelepasan karbon dioksida di Malaysia telah meningkat sebanyak 60 peratus berbanding 25 tahun lalu (Ahmad, 2023).
Cadangan: Teknologi hijau